

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]
TARIKH : 19 MEI 2016
SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci status terkini perancangan serta kos pembinaan **Hospital Daerah Lawas** yang dijangka bernilai RM228 juta di Lawas. Termasuk jumlah perbelanjaan, jangka masa siap, syarikat yang terlibat, jumlah kontrak yang akan ditawarkan, serta peranan mereka dalam projek tersebut dan adakah ianya akan ditawarkan secara tender terbuka.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Hospital Lawas baru menggantikan Hospital Lawas sedia ada adalah salah satu projek yang diluluskan pelaksanaannya didalam RMKe-10. Hospital Lawas berkapasiti 76 katil akan dibina di atas tapak Hospital Lawas sedia ada.

Pelaksanaan Projek ini sedang dilaksanakan secara berfasa selaras dengan tapak projek yang terhad serta memerlukan kerja tanah yang ekstensif. Fasa 1 projek (yang melibatkan kerja-kerja pemindahan / *decanting* sebahagian perkhidmatan hospital) serta Fasa 2A (yang melibatkan kerja meroboh sebahagian bangunan hospital) telah pun dilaksanakan.

Fasa 2B yang melibatkan pembinaan bangunan hospital baru sedang di dalam peringkat pembangunan rekabentuk dan penyelarasan kos projek. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada pertengahan tahun ini.

Projek dilaksanakan secara rundingan terus dengan Syarikat UEM Sdn. Bhd. dengan JKR sebagai agensi pelaksana. Kaedah pelaksanaan projek adalah secara reka dan bina. Kos projek Fasa 1 adalah sebanyak RM2,423,200.00 dan Fasa 2A adalah sebanyak RM25,639,200.00. Kos untuk Fasa 2B masih diperingkat rundingan/penyelarasan.